

Fāṭimah al-Zahrā'

Suatu Gambaran dari Riwayat Hidupnya

(7)

“*Hadhāni ibnāya wa ibnā ibnatī, Allāhumma innī uḥibbuhumā fa aḥibbahumā wa aḥibba man yuḥibbuhumā.*”

“Mereka (Ḥasan dan Ḥusayn) ini ialah anakku dan anak kepada anak perempuanku (Fāṭimah).

Ya Tuhanku, sesungguhnya aku kasih akan mereka berdua, maka kasihlah Engkau – apalah jua kiranya – akan mereka, dan kasihlah pula akan orang-orang yang kasihkan mereka.”

– Ḥadīth Sharīf

(Dimelayukan oleh: Abdullah Basmeh)

Mimpi Bahagia

yang terdaya olehnya, berlaku lemah lembut terhadap isteri

Lenyaplah awan mendung yang telah menyelubungi suasana

yang dikasihi itu.

rumah tangga Sītī Fāṭimah, sepanjang masa yang tak dapat

Pada tahun yang ketiga Hijriyyah, mereka telah

kita tentukan lamanya, dan kembalilah rumah tangga itu

dikurniakan Allah dengan cahaya mata dan buah hati. Sītī

berada dalam suasana yang terang-benderang lebih daripada keadaannya

Fāṭimah al-Zahrā' telah melahirkan putera yang sulung:

yang lalu – sebelum Sītī Fāṭimah menempuh ujian yang berat

((al-Ḥasan bin 'Alī)). Berita yang menggembirakan itu

itu. Hiduplah kedua suami isteri yang mulia itu dengan

segera disampaikan ke pengetahuan Rasulullah *ṣallā Allāhu 'alayhi*

aman tenteram, bertolong bantu dan berkasih sayang: Fāṭimah

wa ālihi wa sallam. Baginda dengan sukacitanya bersegera

di rumah menguruskan perkhidmatan untuk suaminya

datang ke rumah Sītī Fāṭimah lalu menatang cucunya

sekadar yang terdaya olehnya, sambil menjauhkan

yang dikasihi, dan diazankan pada telinganya, kemudian

sedikit demi sedikit akan perasaan sedih dan

dicicipkan air liurnya yang suci itu pada mulut cucunya.

dukacita yang sekian lama dialaminya, sedang Saiyidina

Baginda pun merenungnya dengan perasaan gembira dan belas,

'Alī pula sentiasa di sisinya mengawal dan membantunya,

sambil mengenangkan kedua-dua puteranya yang telah wafat ketika

untuk menghadapi kesukaran kepayahan hidup dalam

mereka masih kecil lagi.

suasana negeri Madinah yang tidak dapat ditanggung

Kelahiran Saiyidina al-Ḥasan – cucu Rasulullah –

oleh kesihatannya sebagaimana ditanggung oleh kaum

telah disambut oleh penduduk Madinah dengan meriahnya.

Muhajirin yang lain. Saiyidina 'Alī juga cuba, sekadar

Nendanya, *ṣallā Allāhu 'alayhi wa ālihi wa sallam*, pun bersedekah kepada

fakir miskin dengan perak: seberat rambut cucunya yang telah dicukurkan itu. Semenjak itu Baginda sentiasa menumpahkan perhatiannya kepada cucunya yang disayangi dan menjadi sepotong daging darahnya yang bernilai. Setelah masuk usianya setahun beberapa bulan, maka Sītī Fāṭimah pun melahirkan puteranya yang kedua – al-Ḥusayn bin ‘Alī – pada bulan Sha‘abān, tahun yang keempat Hijriyyah.

Hati Rasulullah terbuka luas bagi kedua cucunya yang dikasihi ini, Baginda memandang keduanya sebagai lanjutan dari kehidupannya yang khas di atas muka bumi ini, dan penglipur lara bagi perasaan yang terpancar dari hatinya yang besar, perasaan kasih sayang seorang bapa yang telah berputus asa daripada memperoleh seorang anak lelaki, semenjak isterinya:

Sītī Khadījah wafat.

Pada masa itu, tahun yang keempat Hijriyyah, Rasulullah telah berusia lima puluh tujuh tahun, dan kira-kira tujuh tahun pula sudah berlalu atas wafatnya Sītī Khadījah raḍiya Allāhu ‘anhā. Dalam masa yang tersebut (sesudah Sītī Khadījah wafat), baginda telah beristerikan lima orang: Sītī Sawdah bint Zam‘ah – janda yang telah tua, Sītī ‘Ā’ishah binti Abū Bakr al-Ṣiddīq – gadis yang masih kanak-kanak (ketika baginda berakad nikah dengannya), Sītī Ḥafṣah – Umm al-Masākīn, dan Sītī Umm Salamah (Ḥindun binti Abī Umayyah al-Makhzūmī Zāda al-Rakb). Dalam pada itu, baginda tidak mendapat anak daripada isteri-isterinya yang tersebut, bahkan baginda telah berputus asa daripada beroleh zuriat daripada mereka, kecuali dengan melalui puterinya:

Baginda ‘Alī Harimau Allah

Sebuah buku riwayat hidup Saiyidina ‘Alī bin Abī Tālib,

karrama Allahu wajhah, buah kalam pujangga Arab yang terkenal, Abbas Mahmud

(TERJEMAHAN: ABDULLAH BASMEH)

al-Aqqad.

Saiyidina ‘Alī bukan sahaja seorang pahlawan Islam yang terbilang gagah beraninya tetapi juga seorang yang arif bijaksana dan luas

ilmunya sehingga telah digambarkan oleh Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*

dalam sebuah hadithnya (riwayat al-Tirmidhī):

“*Anā dāru al-ḥikmati wa ‘Aliyyun bābuhā.*”

“Aku ialah gedung ilmu pengetahuan dan ‘Alī ialah pintunya”!

Bacalah riwayat hidupnya yang semerbak harum dan menyegarkan serta menghidupkan semangat keislaman.

Dua penggal tamat. Harga sepenggal \$1.20 sahaja, belanja mengirimnya 10 sen.



PESANLAH KEPADA PENERBITNYA:

QALAM, SINGAPURA

Sīṭī Fāṭimah al-Zahrā', *raḍiya Allāhu 'anhā*.

Maka tidaklah pelik kalau baginda menumpukan kasih sayangnya kepada kedua-dua cucunya: ((Saiyidina Ḥasan dan Saiyidina Ḥusayn)) yang menjadi buah hati baginda.

Bahkan tidak pelik kalau baginda memanggil mereka: anaknya.

Dalam satu hadith yang diriwayatkan oleh Anas bin Mālik, bahawa Rasulullah *ṣallā Allāhu 'alayhi wa ālihi wa sallam* pernah berkata kepada puterinya Fāṭimah *raḍiya Allāhu 'anhā*: Panggilkanlah kedua-dua anakku itu. Apabila mereka datang, maka baginda pun mencium dan memeluk mereka.

Al-Tirmidhī pula menyebut di dalam kitab ((Sunan)) nya daripada Usāmah bin Zayd. Kata Usāmah: “Saya telah mengetuk pintu rumah Nabi kerana sesuatu hajat, lalu baginda keluar dengan berselubung dan di dalam selubungnya ada benda yang tidak saya mengetahuinya. Setelah saya uruskan perkara saya itu, saya pun berkata: Apa bendanya yang di dalam selubung tuan ya Rasulullah?”

“Baginda pun membukanya, rupanya benda itu ialah al-Ḥasan dan al-Ḥusayn, lalu baginda bersabda:

“Hadhāni ibnāya wa ibnā ibnatī, Allāhumma innī uḥibbuhumā fa aḥibbahumā wa aḥibba man yuḥibbuhumā.”

Ertinya: “Mereka (Ḥasan dan Ḥusayn) ini ialah anakku dan anak kepada anak perempuanku (Fāṭimah). Ya Tuhanku, sesungguhnya aku kasih akan keduanya, maka kasihlah Engkau – apalah jua kiranya – akan keduanya, dan kasihlah pula akan orang-orang yang kasihkan keduanya.”

Nama keduanya menjadi buah mulut baginda yang sangat

digemarinya, dan tidak jemu-jemu baginda menyebutnya dengan berulang-ulang. Nama kedua-dua cucunya itu menjadi penglipur kepada baginda atas kehilangan putera-putera baginda yang telah wafat itu.

Allah '*Azza wa Jalla* telah mengurniakan Sīṭī Fāṭimah al-Zahrā' dengan nikmat yang besar, lalu dihadkan pada anak-anaknya itu terletak pertalian zuriat Rasulullah *ṣallā Allāhu 'alayhi wa ālihi wa sallam*, dan telah memelihara semulia-mulia keturunan yang pernah dikenal oleh bangsa Arab semenjak mereka wujud di atas bumi ini.

Allah '*Azza wa Jalla* telah memuliakan ((Saiyidina 'Alī)) dengan menjadikan di dalam sulbinya keturunan Rasulullah *ṣallā Allāhu 'alayhi wa ālihi wa sallam* – kesudahan segala Nabi, maka berkekalanlah kemuliaan yang besar itu baginya zaman-berzaman.

Harus, kalaulah Rasulullah *ṣallā Allāhu 'alayhi wa ālihi wa sallam*, disuruh pilih siapakah di antara anak-anak perempuannya yang menjadi tempat penampung keturunannya yang suci itu, dan siapakah di antara menantu-menantunya yang menjadi bapa bagi keturunannya: ((Ahl al-Bayt)) yang mulia, nescaya baginda akan memilih apa yang telah dipilih oleh Allah '*Azza wa Jalla* baginya – Fāṭimah dan 'Alī.

Saiyidina 'Alī ialah menantunya yang hampir sekali kepada Baginda, lagi seorang daging darahnya. Di dalam uratnya mengalir darah Banī Hāshim, dan nasab keturunan keduanya bertemu pada nenda mereka Abdul Muṭalib.

Nabī Muḥammad sendiri bersifat sebagai anak kepada Abī Ṭālib (bapa Saiyidina 'Alī). Abī Ṭāliblah yang telah memelihara baginda ketika baginda berusia delapan tahun. Tatkala Rasulullah besar panjang lalu berkahwin dengan Sīṭī Khadijah, maka baginda pula telah mengambil (('Alī)) (anak Abī Ṭālib) menjadi anak angkatnya, lalu dipelihara

di rumah baginda dan dipandang sebagai anak baginda sendiri.

Menantu-menantu baginda yang lain: Abū al-‘Aṣ dan ‘Uthmān bin ‘Affān, tidak mempunyai pertalian daging darah dan kedudukan yang demikian rapatnya seperti menantunya ‘Alī bin Abī Ṭālib, meskipun tiap-tiap seorang dari kedua-dua menantunya itu mempunyai kedudukan yang tinggi dalam kalangan masyarakat kaum Quraisy, dan kedudukan yang tinggi pula di dalam Islam.

Saiyidina ‘Alī mengetahui akan kedudukannya itu di sisi bapa mertuanya – Rasulullah, dan Saiyidina ‘Alī berasa mulia dengan kedudukannya itu, sehingga ia pada suatu hari telah berkata kepada Nabi:

“Ya Rasulullah, siapakah di antara kami berdua yang lebih dikasihi oleh Rasulullah: puterinya al-Zahrā’ atau suaminya ‘Alī?”

Lalu dijawab oleh Nabi dalam suatu senyuman yang bijak lagi cerdik:

“Fāṭimahlah sekasih-kasih orang kepadaku daripadamu, dan emgkau pula semulia-mulia orang kepada aku daripadanya.”

Tidaklah menjadi pelik sesudah ini, kalau zaman telah menyedari akan tanda-tanda kasih Nabi kepada puterinya Sītī Fāṭimah al-Zahrā’ dan menantunya ‘Alī bin Abī Ṭālib, serta cucunya al-Ḥasan dan al-Ḥusayn, sehingga terbayang-bayang kepada kita pada tiap-tiap kali baginda lalu di hadapan rumah menantunya ((‘Alī)), maka hati baginda yang mulia kedapatan berdebar-debar dengan rasa kasih sayang dan belas. Apakala baginda ada kesempatan, maka baginda akan singgah sebentar lalu dilimpahkannya kebahagiaan kepada isi rumah itu, dan ditumpahkannya rasa kasih sayang kepada kedua-dua

cucu baginda yang disayangi itu.

Pada suatu hari, baginda datang ke rumah Sītī Fāṭimah lalu didapatinya Sītī Fāṭimah dan suaminya Saiyidina ‘Alī sedang tidur, manakala anakanda mereka: al-Ḥasan sedang menangis hendak makan. Baginda tidak sampai hati hendak mengejutkan (membangunkan) mereka, bahkan baginda segera pergi memerah susu dari seekor kambing di situ, lalu disusukannya cucunya al-Ḥasan sehingga kenyang.

Pada suatu hari yang lain baginda lalu di situ, sedang baginda ada pekerjaan lain yang hendak dilakukan dengan segeranya. Tiba-tiba didengarnya cucunya al-Ḥusayn sedang menangis, lalu baginda masuk dan menegur anakandanya, Sītī Fāṭimah, ujarnya:

“Tidakkah engkau mengetahui – wai Fāṭimah –

Bacalah Riwayat hidup

Sayidina

Abū Bakar al-Ṣiddīq

(Oleh: Abdullah Basmeh)

2 penggal tamat. Penggal pertama telah dicetak semula.

Harga sepenggal \$1.20 belanja mengirimnya 10 sen.

Pesanlah kepada penerbitnya:

Qalam, Singapura

bahawa suara tangisnya itu menyakiti (hati)

aku?”

* * *

Tidak payah saya menceritakan di sini akan kesan yang mendalam yang terkandung di dalam kasih sayang seorang bapa untuk melimpahkan rasa bahagia kepada Sītī Fāṭimah yang telah ditimpa oleh perasaan sedih dan dukacita semenjak ia kecil lagi, dan telah dilumpuhkan oleh penderitaan yang berat ketika ia muda remaja. Tidak payah juga saya menceritakan di sini setakat mana kesan kasih sayang bapa yang dikasihi itu pada melimpahkan kebahagiaan dalam kehidupan Sītī Fāṭimah suami isteri yang hidup serba sukar dan serba susah dari segi kebendaan. Sītī Fāṭimah berasa bahagia menjadi ibu kepada dua orang anak lelakinya itu, yang sangat-sangat disayangi oleh ayahandanya - *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam*. Sītī Fāṭimah berpuas hati dan syukur kerana dia dapat – dengan kurnia Allah yang Maha Kuasa – menyediakan untuk ayahandanya yang dikasihi, setelah ia berpindah dari rumahnya, penglipur yang meliputi, yang didapatinya kepada kedua cucunya yang disayangi itu.

Saiyidina ‘Alī, *karrama Allāhu wajhah*, tidak juga kurang kebahagiaannya daripada Sītī Fāṭimah, *raḍiya Allāhu ‘anhā*. Ia berasa sukacita, bahkan berasa bangga, mengenangkan pertalian kerabatnya dengan sepupunya: Rasulullah makin bertambah teguh, sehinggakan darahnya telah mesra dan sehati dengan darah Rasulullah yang suci. Daripada sulbinya telah terpancar zuriat penghulu bangsa Arab dan titisan puterinya Fāṭimah al-Zahrā’, dan dengan itu menjadilah ia (‘Alī) di antara seluruh bangsa Arab – orang yang beroleh kemuliaan: menjadi bapa bagi zuriat

Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam*, dan ((Ahl al-Bayt))nya (keluarga Nabi) yang mulia.

* * *

Benih yang maha berkat itu makin bertambah kembang. Sītī Fāṭimah pun melahirkan pada tahun yang kelima Hijriyyah seorang anak perempuan, lalu diberi nama ((Zaynab)) oleh Rasulullah, sebagai kenang-kenangan kepada puterinya Sītī Zaynab yang telah wafat dan tidak dilupai oleh ayahandanya, serta tidak juga dilupai oleh adindanya Sītī Fāṭimah.

Dua tahun kemudian daripada kelahiran ((Zaynab)), Sītī Fāṭimah telah melahirkan lagi seorang anak Perempuan lalu dinamakan ((Umm Kalthūm)) oleh nendanya Rasulullah. Iaitu senama dengan puteri baginda Sītī Umm Kalthūm, seolah-olah baginda mengetahui bahawa baginda akan kehilangan anak yang dikasihinya itu pada dua tahun kemudian.

Dengan kedua-dua puterinya itu, Sītī Fāṭimah telah ditakdirkan oleh Allah *‘Azza wa Jalla* dapat menghidupkan nama kekanda-kekandanya: Zaynab dan Umm Kalthūm, sebagaimana juga telah ditakdirkan oleh Allah supaya dari titisannya, Rasulullah mendapat cucu: Saiyidina Ḥasan dan Saiyidina Ḥusayn, yang dipandangnya sebagai anak sendiri setelah baginda berputus asa daripada mendapat lagi anak lelaki.

Allah *‘Azza wa Jalla* telah memelihara bagi Nabi-Nya: Muḥammad Rasulullah akan kebahagiaannya sebagai seorang bapa dengan zuriatnya yang tersebut. Baginda tidak kehilangan puterinya al-Zahrā’ atau salah seorang dari cucu-cucunya yang dikasihi itu sehinggalah baginda wafat.

Pada masa yang telah lalu, Baginda telah merasa kehilangan kedua-dua anak lelakinya yang telah wafat dalam masa kecil. Putera-putera Baginda itu ialah ((al-Qāsim)) dan ((‘Abd Allāh)).

Setelah itu, baginda telah dikurniakan oleh Allah dengan putera yang ketiga: ((Ibrāhīm)), pada bulan Dhū al-Hijjah tahun yang kedelapan Hijriyyah, lalu disambut oleh baginda dengan sukacitanya. Tetapi sayang, kesukaan baginda itu tidak lama, kerana puteranya Ibrāhīm yang dikasihi itu telah wafat dalam umur setahun lebih, sedang baginda pada masa itu telah berusia enam puluh dua tahun.

Demikian juga puteri-puteri baginda yang bertiga: Zaynab, Ruqayyah dan Umm Kalthūm, telah wafat dalam masa mereka muda-muda belaka, lalu dikebumikan oleh ayahanda mereka yang berdukacita: lepas seorang, seorang pula, di negeri Madinah, yang juga menjadi tempat kubur ayahanda baginda: ‘Abd Allāh yang telah wafat sedang baginda masih dalam kandungan ibunya Aminah binti Wahab.

Hanya Sītī Fāṭimahlah dari antara putera dan puteri baginda yang telah hidup lama. Sebagaimana juga anak-anak Sītī Fāṭimah, lelaki dan perempuan telah hidup memenuhi dunia Rasulullah dengan hiburan dan penglipuran, dan dapat pula menampung kasih sayang baginda yang telah kehilangan putera-putera dan puteri-puterinya, dikecualikan puterinya yang dikasihi – Sītī Fāṭimah – yang masih hidup dan dapat melipurkan hati baginda.

Hiduplah Sītī Fāṭimah al-Zahrā’, supaya Rasulullah semasa hidupnya dapat mendengar orang memanggilnya: ((Wahai ayahku))!

Hiduplah pula kedua-dua anak lelaki Sītī Fāṭimah Saiyidina Ḥasan dan Saiyidina Ḥusayn – supaya Rasulullah yang bersifat manusia itu berasa bahagia dengan menyebut-nyebut kata-kata yang manis: ((Anakku)).

Dan hiduplah pula kedua-dua anak perempuan Sītī Fāṭimah – Zaynab dan Umm Kalthūm – supaya Rasulullah, bapa yang bersifat belas kasihan itu, berkekalan menyebut

nama kedua-dua puterinya yang telah wafat, setelah baginda lama menderita duka nestapa atas kehilangan mereka dan terhenti daripada memanggil dan menyebut nama mereka.

Sejarah manusia telah terhenti memerhati dengan tercengang akan Nabi Allah ini yang bersifat manusia, dan bersifat seorang bapa yang melimpahkan rasa kasih sayangnya dan belas kasihannya. Alam manusia pula telah bersunggu-sungguh mendengar dan menumpukan perhatiannya dengan rasa bangga dan mulia, akan berita-berita yang telah terhebah terus-menerus tentang rasa kasih sayang yang suci murni itu, yang menyingkap akan sebahagian dari kebesaran seorang lelaki (Nabi Muḥammad) yang telah dipilih oleh Allah *‘Azza wa Jalla*.

Dan masih berkekalan hingga hari ini, bahkan hingga masa yang akan datang, dan hingga selama-lamanya, membaca cerita ini, dan melihat di dalamnya tanda-tanda kebesaran Allah *‘Azza wa Jalla* yang telah menjadikan pahlawan yang tersebut,

Bacalah Riwayat hidup

Sayidina

Umar ibn al-Khaṭṭāb

(Oleh: Abdullah Basmeh)

4 penggal tamat. Harga sepenggal \$1.20

Belanja mengirimnya 10 sen.

Pesanlah kepada penerbitnya:

Qalam, Singapura

seorang manusia yang bersifat rasul.

Memang tidak akan dapat dilupai akan peristiwa Rasulullah, ketika baginda berjalan di Pasar Madinah, membawa salah seorang cucu baginda di atas bahu baginda, dan manakala sampai di masjid dan berdiri sembahyang, maka baginda pun meletakkan cucunya dengan perlahan-lahan di sisinya, lalu baginda menjadi imam bagi orang ramai. Mereka sekalian telah berasa hairan kerana baginda sujud pada hari itu lebih lama daripada biasa. Setelah selesai sembahyang, salah seorang bertanya kepada baginda:

“Ya Rasulullah, tuan telah sujud terlalu lama, sehingga kami menyangka bahawa suatu hal telah berlaku, ataupun tuan telah menerima (kedatangan malaikat membawa wahyu?”

Baginda menjawab:

“Semuanya itu tidak berlaku, tetapi anakku telah menunggang atas belakangku, dan aku tidak sampai hati hendak menurungkannya dengan segera, sehingga dia selesai menunaikan hajatnya.”

Tidak juga akan dapat dilupai, ketika baginda sedang berucap kepada orang ramai, tiba-tiba datanglah al-Hasan dan al-Husayn, yang memakai baju merah, dan berjalan jatuh bangun. Nabi pun bersegera turun dari atas mimbar, lalu mendukung kedua cucunya itu dan meletakkan mereka di hadapannya, lalu baginda meneruskan ucapannya, ujarnya:

“Benarlah Allah Ta‘ālā (yang berfirman): Bahawa harta benda kamu dan anak-anak kamu menjadi perkara yang melalaikan. Aku telah terpandang kedua-dua kanak-kanak ini sedang berjalan jatuh bangun, aku pun tidak sabar, lalu aku

putuskan ucapanku dan mendukung akan keduanya.

Tidak juga akan dapat dilupai, ketika baginda sedang memegang bahu cucunya al-Husayn, sedang kaki cucunya itu berada di atas kaki baginda. Baginda pun menimang-nimangnya sambil berkata kepadanya: ((naik, naik)) Cucunya pun naik setapak demi setapak sehingga dapat memijak dada Baginda. Rasulullah pun berkata: ((buka mulutmu!)) Lalu dibukanya. Nabi pun bersegera menciumnya sambil bersabda:

“Allāhumma aḥibbah, fa innī uḥibbuh!”

“Ya Tuhanku kasihilah – apalah jua kiranya – akan cucuku ini, kerana aku kasih akan dia.”

Tidak juga akan dapat dilupai, ketika baginda keluar pada suatu hari, bersama-sama dengan sahabat untuk menghadiri satu jamuan makan. Tiba-tiba dilihatnya Saiyidina Husayn bermain-main di tepi jalan bersama-sama dengan kanak-kanak – rakan sebayanya. Nabi pun menghulurkan tangan cuba hendak memegang cucunya yang dikasihi, sedang Saiyidina Husayn melarikan diri ke sana ke mari. Nabi tidak berhenti-henti memujuknya dengan ketawa sehingga dapat memegangnya, lalu baginda meletakkan sebelah tangan baginda atas belakangnya dan sebelah lagi di bawah dagunya, kemudian Baginda menciumnya dan bersabda:

“Husaynun minnī wa anā min Husayn. Aḥabba Allāhumma man aḥabba Husayn.”

Ertinya: “Husayn daripada aku, dan aku daripada Husayn. Kasihilah oleh-Mu – Apalah jua kiranya – ya Tuhanku, akan barangsiapa yang kasihkan Husayn.”

Bersambung.